



TEKS UCAPAN

YS PKPjB SAYANI BINTI HAJI SAIDON
PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK

PADA
ISNIN / 24 FEBRUARI 2025 BERSAMAAN 25 SYAABAN 144H

JAM
3.00 PETANG

TEMPAT
BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT MERU RAYA

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin

Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyarafil Anbiya'e

Wal Mursalin Saidina Muhammadin Wa'ala

Alihi Wasahbihi Ajma'in

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh

Selamat Petang, Salam Jabatan Bomba Dan

Penyelamat Malaysia Berprestasi Tinggi,

Cepat Dan Mesra Dan Salam Malaysia Madani

Yang berusaha saudara pengacara majlis,

Terima kasih kepada pembaca doa kita

.....

**yang telah mendoakan untuk kebaikan dan
kesejahteraan kita semua bagi majlis ini,**

[Salutasi berdasarkan pengesahan kehadiran terkini]

Penolong Pesuruhjaya Bomba

Yusri bin Mohd Yusoff@Hashim

Timbalan Pengarah

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri
Perak

Penguasa Kanan Bomba I

Sabarodzi bin Hj. Nor Ahmad

Penolong Pengarah

Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri
Perak

Penguasa Kanan Bomba II

Mohd Firdaus bin Daud

Penolong Pengarah Bahagian Latihan

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak selaku penganjur Pertandingan Kawad Kecekapan JBPM Negeri Perak bagi Tahun 2025

Penolong-penolong pengarah bahagian

Ketua-ketua zon

Ketua-ketua balai

Pegawai Kanan jabatan

Barisan pengadil

Barisan jurulatih

Peserta Pertandingan Kawad Kecekapan

Seterusnya tuan/puan yang dihormati sekalian

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T dengan izinNya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada petang ini dalam **Majlis Perasmian Penutupan Pertandingan Kawad Kecekapan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak Tahun 2025.**

2. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua peserta yang telah menunjukkan kehebatan, kekuatan, komitmen yang luar biasa dan semangat juang yang tinggi sepanjang pertandingan berlangsung. Sesungguhnya, bagi saya tuan/puan adalah contoh terbaik dalam mempamerkan semangat kerja berpasukan dan daya saing yang sihat. Setiap daripada tuan/puan telah menunjukkan sikap dan kecekapan, keupayaan dan perjuangan yang tersendiri.

3. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur khususnya Penguasa Kanan Bomba II Mohd Firdaus in Daud, Penolong Pengarah Bahagian Latihan, jawatankuasa kerja, para pengadil dan juga jurulatih yang telah berusaha dengan penuh gigih untuk

memastikan penganjuran pertandingan ini berjalan dengan lancar.

Tuan-Tuan/Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

4. Kecekapan dan kesiapsiagaan adalah kunci kejayaan dalam apa jua bidang terutamanya dalam sektor kebombaian dan penyelamatan. Pertandingan pada hari ini bukanlah semata-mata sebagai platform untuk menunjukkan kemahiran dan kebolehan tetapi ia juga sebagai medan untuk setiap daripada kita belajar untuk memperbaiki diri sendiri.

5. Setiap cabaran yang tuan/puan laksanakan pada hari ini dan ruang yang diberikan merupakan suatu lonjakan kepada ilmu dan juga pengetahuan

kompetensi kepada tuan/puan dalam bidang kebombaan.

Tuan-Tuan/Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

6. Penganjuran pertandingan kali ini melibatkan satu (1) acara peringkat kebangsaan dan tiga (3) acara peringkat balai. Acara individu *Brave Heart* merupakan satu (1) acara peringkat kebangsaan dan pada hari ini terdapat tiga kategori yang dipertandingkan dalam acara ini iaitu Kategori Pegawai Kanan (L), Terbuka (L) dan Terbuka (W). Tiga (3) acara di peringkat balai yang dipertandingkan pada hari ini ialah acara berkumpulan iaitu *Breathing Apparatus Tactical Challenge*, *Fire Fighter's Relay Challenge* dan *Hazmat Operational Level Challenge* di

mana peserta adalah daripada balai-balai terpilih yang mewakili Zon 1,2,3 dan 4 di JBPM Negeri Perak.

7. Sebagai pengarah, saya amat berbangga dengan pencapaian dan perkembangan yang telah ditunjukkan oleh semua peserta. Pertandingan ini juga membuktikan bahawa pasukan bomba negeri kita sentiasa bersedia menghadapi apa jua cabaran, dengan tahap kecekapan yang tinggi dalam menyediakan perkhidmatan kepada masyarakat.

PENUTUP

Tuan-Tuan/Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

8. Akhir kata sebelum saya mengakhiri ucapan saya saya ingin mengucapkan sekali lagi setinggi-tinggi tahniah kepada semua para pemenang dan semua yang telah berusaha keras dalam menjayakan pertandingan ini. Bagi para pemenang, Ingatlah kejayaan tuan/puan bukanlah sebagai penamat kepada sesuatu tetapi merupakan permulaan kepada suatu usaha yang lebih gigih.

9. Namun begitu, saya ingin menegaskan bahawa kejayaan sebenar bukan hanya diukur melalui kemenangan, tetapi melalui pembelajaran dan pengalaman yang diperoleh sepanjang pertandingan

ini. Kepada yang belum berjaya, jangan berputus asa. Jadikan pengalaman ini sebagai satu pemangkin untuk terus memperbaiki diri dan pasukan.

10. Oleh itu, tuan/puan dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Penutupan Pertandingan Kawad Kecekapan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak Tahun 2025 dengan rasminya. Semoga kita terus diberikan kekuatan dan keberanian untuk berkhidmat kepada masyarakat dengan sebaik-baiknya.

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh.